

## **BAB VI**

### **KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis faktor-faktor politik, ekonomi dan sosial yang digunakan sebagai alasan untuk pihak pemerintah menggubal suatu akta yang dinamakan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan) 1975. Pelbagai alasan dikemukakan, antaranya ialah penglibatan pelajar secara keterlaluan dalam politik tanahair melalui demonstrasi sehingga mewujudkan

suasana kacau-bilau dalam masyarakat, isu bahasa kebangsaan, kekhuitiran untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan tuntutan menubuahkan Universiti Merdeka oleh masyarakat Cina di negara ini.

Di samping itu, kajian juga menghuraikan beberapa peruntukan yang terkandung dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975 yang menyentuh aspek kebebasan pelajar di negara ini. Ini melibatkan larangan mengorganisasikan perhimpunan dan sebagainya mengikut Kaedah Tatatertib Pelajar dalam Seksyen 3f, 7 (1) dan (3), 8, 9, 11 dan 15 (1), 15 (2) dalam AUKU. Larangan mengeluarkan kenyataan tertentu pula didapati pada Kaedah Tatatertib Pelajar dalam Seksyen 13 dan Seksyen 15 (3), 15 (4) dalam AUKU. Manakala tegahan untuk menerbitkan risalah pula terkandung dalam Seksyen 6 (1) dan 10 mengikut Kaedah Tatatertib Pelajar.

Tujuan kajian juga adalah untuk menyingkap kesan-kesan dari pelaksanaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975 ke atas kehidupan pelajar. Kesan pertamanya ialah penubuhan badan Hal Ehwal Pelajar (HEP) yang bertindak mengendalikan semua kegiatan melibatkan pelajar. Ini secara tidak langsung menyebabkan perpecahan di kalangan pelajar melalui penubuhan pelbagai organisasi dan persatuan. Tekanan yang berterusan juga menyaksikan pelajar hari ini lebih cenderung kepada pihak pembangkang.

AUKU juga bertanggungjawab menjadikan skop pergerakan pelajar lebih sempit dengan lebih menjurus kepada hal-hal berkaitan kebajikan mereka sahaja tanpa prihatin dengan isu -isu masyarakat mahupun sejagat.

Tumpuan kajian juga adalah untuk mengalisis persepsi dan pendapat masyarakat umum di Malaysia tentang kebebasan mahasiswa di bawah undang-undang Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan) 1975. Sesungguhnya pelbagai lapisan masyarakat mempunyai tanggapan yang berbeza mengenai isu ini. Pihak kerajaan dan pihak pentadbiran universiti dilihat lebih positif dengan melihat AUKU sebagai banyak membantu dalam usaha mempertingkatkan mutu pengajian dan disiplin pelajar-pelajar. Sedangkan golongan masyarakat lain mahukan AUKU dikaji dan beberapa peruntukan yang boleh mengikat kredibiliti, kreativiti dan inovasi pelajar dihapuskan untuk kepentingan kepimpinan masa depan.

## **6. 1 Kesimpulan**

### **6. 1. 1 Penggubalan AUKU**

Sejarah membuktikan bahawa gerakan pelajar telah banyak menyumbang kepada perubahan seperti yang pernah berlaku di Asia, Afrika, Amerika Latin, Eropah dan Amerika Syarikat. Di Malaysia, kewujudan Akta Universiti dan Kolej Universiti seharusnya didasarkan kepada suasana masyarakat dan

perkembangan politik di sekitar tahun-tahun 60an dan 70an. Pergolakan politik yang melanda masyarakat sebenarnya adalah manifestasi dari kegagalan ekonomi dan struktur sosial yang diharapkan. Pelajar adalah golongan manusia yang dinamik, progresif dan penuh dengan vitaliti hidup.<sup>125</sup> Pelajar melihat situasi sebegini sebagai sebahagian dari tanggungjawab sosial mereka dalam masyarakat.

Pergerakan pelajar pada mulanya banyak dipengaruhi oleh isu-isu antarabangsa. Ini termasuklah isu penglibatan Amerika Syarikat di Vietnam, penjualan senjata ke Afrika Selatan dan sentimen anti-Yahudi. Perkembangan selanjutnya menyaksikan tumpuan pelajar mula beralih kepada isu dalaman melibatkan dasar dan tindakan kerajaan yang dijalankan di negara ini. Dalam kebanyakan masyarakat, pelajar menganggap mereka bertanggungjawab dalam politik sehingga memungkinkan mereka secara langsung membawa masalah politik negara ke dalam kampus.<sup>126</sup> Mulalah pemimpin-pemimpin pelajar mengupas isu kelemahan pemerintahan kerajaan (anti Tunku), kemiskinan masyarakat luar bandar dan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang mensyaratkan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

<sup>125</sup> Dewan Masyarakat, Jun 1971, m.s 14.

<sup>126</sup> Seymour Martin Lipset. *Student Politics*. New York: Basic Books Inc., 1967. m.s 74.

Penglibatan mahasiswa dalam politik tanahair bermula ekoran rasa tidak puas hati dengan sikap kerajaan di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman. Menjelang pilihanraya 1969, mahasiswa giat berkempen mengkritik pemerintah yang dianggap tidak bersungguh-sungguh membela nasib orang Melayu dengan menonjolkan isu Telok Gong, Tasik Utara, Baling dan masalah autonomi universiti. Krisis perkauman pada Mei 1969 akibat dasar '*devide and rule*' penjajah tambah memburukkan lagi suasana. Pelajar semakin kukuh dengan peranannya sebagai 'pressure group' dan juru bicara masyarakat.

Kegawatan politik negara memaksa kerajaan mengisyiharkan darurat dan meletakkan pemerintahan negara di bawah Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah yang difikirkan wajar untuk memulihkan keadaan seperti Rukun Negara, Pindaan Perlembagaan Persekutuan (1971) dan Dasar Ekonomi Baru.<sup>127</sup> Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilancarkan pada tahun 1970, adalah sebagai serampang dua mata bagi tujuan membasmikan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Pengalaman lalu mengajar kerajaan betapa perlunya memperkuatkan ekonomi di samping struktur sosial dalam negara yang berbilang kaum seperti Malaysia. Untuk itu rakyat perlu dibekalkan dengan ilmu yang mampu

<sup>127</sup> Junaidi Abu Bakar. *Mahasiswa, Politik dan Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1993. m.s 104.

membuka peluang dan mengubah nasib mereka. Penggubalan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 bertujuan menghalang mahasiswa dari mencampuri urusan politik sehingga membantutkan proses pembelajaran mereka. Namun AUKU 1971 nyata gagal dengan menyaksikan semenjak penubuhannya sehingga 1974, sekurang-kurang lapan kali demonstrasi diadakan oleh pelajar. Akhirnya pada tahun 1975, satu pindaan dibuat ke atas AUKU 1971 dengan memberi kuasa penuh kepada pihak universiti menapis semua kegiatan pelajar di negara ini.

Walaupun mendapat tentangan pelbagai pihak, AUKU (Pindaan) 1975 tetap diluluskan oleh kerajaan sebagai langkah mendisiplinkan pelajar untuk menjamin bekalan guna tenaga di masa depan. AUKU ternyata hebat dalam usaha melumpuhkan kegiatan pelajar yang secara tidak langsung membunuh demokrasi kampus di negara ini.

#### **6. 1. 2 Kebebasan Pelajar**

Apa yang dimaksudkan dengan kebebasan pelajar di sini perlulah dilihat dalam konteks kebebasan universiti sebagai institusi pengajian dan penyelidikan yang berteraskan kepada prinsip kebenaran dan keadilan. Sekiranya kuasa politik yang menentukan dasar dan arah pencapaian ilmu dan kebenaran ini maka peranan dan fungsi sesebuah universiti itu dalam pembangunan ekonomi,

sosial, politik dan keugamaan akan terjejas.<sup>128</sup> Ini dengan sendirinya akan melibatkan autonomi sesebuah universiti.

Konflik kebebasan pelajar ini bermula apabila kerajaan menganggap kebebasan pelajar yang sedia ada disalah gunakan dengan pelbagai perbuatan tidak bertanggungjawab yang merugikan negara. Penglibatan secara keterlaluan dalam politik dianggap tidak perlu dan menyimpang dari matlamat sebenar pelajar. Sebaliknya kebebasan ini perlu bagi membolehkan pelajar terus memainkan peranannya dalam membela kepincangan masyarakat. Kuasa kerajaan digunakan sepenuhnya untuk menghalang aktiviti mahasiswa di negara ini.

AUKU (Pindaan) 1975 bukanlah undang-undang dalam erti kata sebenar tetapi lebih kepada suatu bentuk hukuman ke atas pelajar-pelajar universiti. Penggantungan serta-merta ke atas pelajar sebagaimana disyaratkan dalam Seksyen 15D, AUKU (Pindaan) 1975 adalah hukuman yang tidak berlandaskan prinsip keadilan perundangan. Malah AUKU mempunyai tiga fungsi kuasa utama iaitu peruntukan undang-undang, pelaksanaan undang-undang dan mentafsir undang-undang (menghukum).

<sup>128</sup> Zakaria Hashim. *Seminar Kebebasan Akademik dan Peranan Tenaga Pengajar Di Universiti-Universiti Di Malaysia*. 26hb. Mac 1983. Universiti Teknologi Malaysia. Kuala Lumpur. m.s 2.

AUKU juga memberi ruang yang terlalu luas kepada pihak pentadbiran universiti tanpa ada tafsiran khusus mengenai had-hadnya. Dalam Rang Undang-Undang Pindaan AUKU (Pindaan) 1975, terdapat sekurang-kurangnya tujuh tempat menyentuh tentang peruntukan 'budi bicara mutlaknya'. Kuasa budi bicara tanpa melibatkan batas tertentu adalah suatu yang subjektif boleh mengundang kepada penyalah gunaan kuasa dalam kes-kes tertentu. Penggunaan kuasa budi bicara ini menyaksikan sehingga kini tiada keputusan universiti yang dicabar kesahihannya di mahkamah.

Larangan mengorganisasikan perhimpunan antaranya adalah mengelakkan berlakunya demonstrasi sebagaimana sebelumnya. Namun larangan ke atas mengeluarkan kenyataan tertentu dan menerbitkan risalah dilihat lebih kepada usaha untuk mengelakkan sebarang kritikan terhadap kerajaan. Dalam hal ini AUKU nampaknya telah membelakangi Perlembagaan Persekutuan yang menjamin hak asasi setiap warganegara. Apa gunanya AUKU jika tanpanya pun pelajar sudah tertakluk kepada undang-undang negara antaranya seperti ISA, Akta Hasutan dan Akta Rahsia Rasmi Kerajaan.

#### 6.1.3 Kesan-Kesan AUKU

Semenjak dilaksanakan AUKU amat diharapkan agar dapat mengawal aktiviti dan segala tindak-tanduk mahasiswa supaya disiplin dan matlamat ke

arah meningkatkan kualiti pendidikan dapat dicapai. Paling tidak AUKU diharapkan lebih membawa kesan positif berbanding sebaliknya. Realitinya ini ia tidak seperti yang diharapkan. Memang ia amat berpengaruh dalam mengawal aktiviti mahasiswa negara ini, namun risikonya turut merimaskan semua pihak yang prihatin dengan masa depan negara.

Pihak pemerintah cuba mengalihkan perhatian pelajar dari politik kepada pelajaran. Semakin tinggi tekanan untuk pelajar mendapat kelulusan yang baik dalam pelajaran atau peluang pekerjaan yang baik selepas tamat pengajian maka semakin kurang penglibatan mereka dalam politik dan sebagainya.<sup>129</sup> Sikap ini membuatkan pelajar tidak lagi minat berorganisasi dan melibatkan diri dengan masyarakat. Mereka seolah-olah terpisah dari dunia luar dan perjuangan mereka lebih kepada hal-hal yang berkaitan kebijakan mereka. Segala bentuk penyelewengan dalam masyarakat bukan lagi agenda perjuangan.

Akta telah memecah-belahkan pelajar kepada beberapa pertubuhan dan kumpulan yang lebih kecil. Rasionalnya ialah mengelakkan perpaduan yang menjadi punca kekuatan suara pelajar selama ini. Kenyataan bahawa perjuangan pelajar lebih mirip kepada pihak pembangkang bukanlah hakikatnya namun layanan keras pihak kerajaan memerlukan pelajar mencari platform untuk menyuarakan sesuatu.

---

<sup>129</sup> Seymour Martin Lipset. *Student Politics*. New York: Basic Books Inc.. 1967. m.s 21.

Skop perjuangan pelajar juga telah terhad dibandingkan dengan zaman sebelum Akta. Hari ini isu-isu berkaitan kebijakan pelajar menjadi pilihan utama dari isu-isu dalam masyarakat sekitar. Rasa kurang selamat dan tidak menjamin masa depan membuatkan pelajar bertindak membelakangkan segalanya demi masa depan mereka yang ditentukan oleh kelulusan yang bakal diperolehi. Majlis Perwakilan Pelajar semakin tidak terurus dengan menyaksikan perpecahan sesama-sendiri dan sambutan dingin oleh penghuni kampus. Ketiadaan saluran untuk menyatakan pendirian memudarkan keinginan berorganisasi.

Pengaruh politik dalam pengurusan universiti menyebabkan segala tindakan yang berlawanan dengan kepentingan kerajaan diketepikan. Melalui HEP pelajar dipaksa menjadi 'pak turut' dalam segala aktiviti yang dirancangkan. Pelajar tiada kebebasan untuk mengemukakan idea yang kritis kerana kekurangan maklumat akibat komunikasi yang terhalang. Maklumat yang sampai lebih kepada propaganda untuk menyokong setiap sikap dan tindakan oleh pihak kerajaan. Kewujudan HEP menyebabkan pelajar sukar mengikis sikap terlalu bergantung kepada badan itu dalam banyak hal, contohnya bantuan kewangan maupun peralatan.

#### **6. 1. 4 Reaksi Masyarakat Umum Di Malaysia**

Pelajar adalah hak masyarakat dari masyarakat, dan untuk masyarakat. Malangnya pelajar semakin jauh dari masyarakat semenjak AUKU diperkenalkan. Pelajar selepas akta bukan sahaja tidak dapat membela masyarakat malah diri mereka sendiri pun masih tidak terbelia. AUKU semakin hari semakin sinonim dengan kehidupan masyarakat kampus. Idealisme pergerakan pelajar semakin terpinggir dalam arus pembangunan negara hari ini.

Masyarakat mahukan AUKU dikaji semula untuk menyesuaikannya dengan keadaan semasa. Krisis kepimpinan negara yang ketandusan calon yang berkaliber kian meruncing. Pergerakan pelajar selepas zaman Anwar Ibrahim sudah lama tidak membekalkan calonnya. Ditambah lagi dengan penyelewengan yang makin berleluasa dalam masyarakat, AUKU perlu dinilai semula kewajarannya. Peranan pelajar sebagai 'check and balance' perlu dikembalikan semula.

Rasa tidak setuju masyarakat terhadap AUKU harus diterjemahkan dalam bentuk kajian semula terhadap undang-undang tersebut. Walaupun AUKU tidak mungkin dihapuskan, adalah wajar sekiranya peruntukan tertentu seperti yang terdapat dalam Seksyen 15, 15B, 15C dan 15D dilonggarkan untuk

memberi ruang kepada pelajar menjalankan aktiviti mereka. Selain dari itu, tafsiran yang lebih jelas perlulah dibuat untuk menjelaskan bidang kuasa pihak pentadbiran universiti untuk mengelakkan sebarang kekeliruan mengenainya.

Pihak kerajaan harus sedar akan tanggungjawab mereka dalam hal ini yang bukan sahaja kepada penghuni kampus malah juga kepada masyarakat yang memberi kepercayaan kepada mereka. Tindakan 'membunuh' masyarakat kampus akan merugikan semua pihak di negara ini. Segala peruntukan dan pembiayaan yang dikeluarkan oleh kerajaan selama ini akan sia-sia andainya golongan pelajar yang dihasilkan tidak mampu bertindak balas dengan keadaan dan pasif dalam menangani sesuatu isu. Jika ini berlaku maka bolehlah dianggap sistem pendidikan yang sedia ada gagal mencapai matlamat yang digariskan.

## 6. 2 Cadangan-Cadangan

Proses pembangunan masyarakat Malaysia mahupun Asia Tenggara makin terdedah dengan pelbagai perubahan yang sedang berlaku sehingga ianya bukan sahaja perlu diterima malah perlu diubahsuaiakan mengikut pengaruh dan perubahan yang dicetuskan oleh proses internasionalisasi dan globalisasi hari ini. Bukan sahaja masyarakat umum harus berubah mengikut edaran masa dan pengaruh teknologi tetapi sistem-sistem pendidikan, sumber

manusia yang terlibat dalam urusan pendidikan serta undang-undang dan peraturan yang mengawal urusan pendidikan harus turut berubah.

Dalam konteks ini, beberapa cadangan dibuat supaya AUKU disemak semula dan beberapa pindaan dibuat agar dapat disesuaikan mengikut arus perubahan yang sedang berlaku dalam masyarakat umum di Malaysia.

1. Pihak kerajaan haruslah mengambil usaha menyemak dan meminda beberapa peruntukan yang menyentuh status mahasiswa seperti Seksyen 15 (1) dan (2), (3) dan (4). Ini memandangkan aspek pengucapan dan kemampuan sesuatu pihak mengartikulasikan hasrat terpendam makin tidak terbatas kesan dari kemajuan teknologi yang melanda dunia hari ini. Batasan maklumat yang semakin terhapus bukan sahaja memberi ruang malah turut merangsang pegangan ideologi sedia ada.
  
2. Peranan AUKU yang diharapkan mampu mengawal pertambahan institusi pengajian tinggi di negara ini nyata makin terhakis. Perkembangan universiti-universiti dan kolej swasta seolah-olah menidakkannya fungsi AUKU itu sendiri. Keseluruhan akta perlu disemak semula agar mampu memenuhi kepentingan institusi pendidikan serta generasi pelajar dan pendidik yang

merasakan akta membantutkan kreativiti dan inovasi yang diharapkan selama ini.

3. Memandangkan sistem pendidikan negara yang diamalkan sekarang adalah lebih terbuka, adalah perlu untuk menyemak dan meminda bahagian-bahagian tertentu dalam akta untuk disesuaikan dengan pelajar-pelajar antarabangsa. Bagi merealisasikan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan antarabangsa, usaha-usaha harus dilakukan untuk meminimakan percanggahan antara misi tersebut dengan semangat yang wujud dalam AUKU.

4. Pendekatan terhadap pendidikan di Malaysia, Asia dan seluruh dunia sudah berubah iaitu lebih terbuka dan cenderung kepada psikologi pembinaan personaliti dan pembangunan insan yang menyeluruh. Ini memerlukan pendekatan yang lebih humanistik dan kurang kawalan. Oleh itu AUKU harus disemak semula agar kelonggaran disyorkan untuk menjamin persekitaran yang lebih bebas dan menggalakkan.

5. Demi kepentingan pendidikan, masyarakat dan negara Malaysia, keseluruhan "semangat", misi, matlamat dan hasrat AUKU harus dikaji semula. Dengan ini barulah dapat dirancangkan program-program yang spesifik atau

lebih khusus untuk memupuk semangat baru selaras dengan perkembangan teknologi dan kemajuan dunia secara menyeluruh.

### 6.3 Penutup

Secara umumnya kajian ini telah berjaya merumuskan beberapa aspek berkaitan kebebasan pelajar di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti dan hubung kait dengan reaksi masyarakat umum di Malaysia. Langkah kerajaan mewujudkan AUKU pada tahun 1971 adalah untuk mengurangkan kegiatan politik pelajar di sekitar tahun-tahun 60an dan 70an. Rusuhan kaum 13 Mei 1969 dan penentangan pelajar terhadap kepimpinan dan dasar-dasar kerajaan bukan sahaja mengganggu usaha-usaha kerajaan untuk membangunkan negara malah secara tidak langsung membuka ruang kepada musuh-musuh negara seperti komunis menjalankan kegiatan subversif ke arah menggugat keamanan negara.

Kegagalan AUKU 1971 menghalang kegiatan demonstrasi di kalangan para pelajar sebagaimana yang berlaku dalam tahun 1974<sup>130</sup> mendesak kerajaan meminda peruntukan-peruntukan bersabit kegiatan pelajar di dalamnya. Hasilnya lahirlah AUKU (Pindaan) 1975 memberi kuasa mutlak kepada pihak pentadbiran bagi menangani kemelut kegiatan pelajar di negara ini. Keperluan memenuhi kuota bumiputera seperti yang digariskan dalam DEB juga antara

<sup>130</sup> Pada tahun ini berlaku penawanan kampus ITM, penutupan kampus UKM dan UM, penguasaan kampus Politeknik Ungku Omar dan Demonstrasi 1974.

faktor kemunculan AUKU. Justeru pelajar harus lebih komited dengan pelajaran berbanding kegiatan sampingan lain.

Peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam AUKU mempunyai dua perkara iaitu yang jelas dan yang kurang jelas. Beberapa peruntukan berupa larangan ke atas pelajar sama ada mengorganisasikan perhimpunan, mengeluarkan kenyataan tertentu atau pun menerbitkan risalah adalah sangat jelas. Namun penggunaan kuasa budi bicara sebagaimana yang tertera dalam AUKU adalah meragukan banyak pihak. AUKU bertanggungjawab membunuh idealisme perjuangan pelajar dan menjadikan pelajar sebagai manusia pasif dalam banyak hal. Di samping tidak bersifat kemanusiaan, AUKU juga gagal memainkan peranannya untuk meningkatkan disiplin di kalangan generasi pelajar hari ini.

Selepas lebih dua puluh tahun AUKU dilaksanakan, banyak kesan yang timbul sama ada bersifat positif mahupun sebaliknya. Malangnya kesan negatif yang ditonjolkan lebih dominan dari kebaikan yang diharapkan. Bidang pergerakan dan perjuangan pelajar hari ini mula tertumpu kepada hal-hal berkaitan kebijakan mereka sahaja dan sering kali tertumpu di sekitar kampus. Isu-isu luaran baik bersifat nasional atau antarabangsa makin tidak dipedulikan

dari diari penghuni kampus. Ditambah situasi hari ini yang lebih mementingkan kelulusan (paper qualification), kegiatan berorganisasi mudah terabai.

Kelemahan pelajar dalam mengupas sesuatu isu yang membabitkan masyarakat juga diakibatkan oleh ketiadaan kesepakatan antara mereka. Ini adalah kesan AUKU yang menggalakkan perpecahan di kalangan pelajar melalui penubuhan pelbagai persatuan anak negeri, akademik, etnik dan keagamaan. MPP sudah tidak berfungsi sebagai badan induk yang mengendalikan urusan kegiatan pelajar selepas badan Hal Ehwal Pelajar (HEP) mengambil alih peranan tersebut. Melalui prosedur-prosedur yang sengaja diadakan, pelajar makin sengsara dalam menggerakkan saki-baki perjuangan mereka. Sikap kebergantungan pelajar kepada badan HEP juga menyukarkan aktiviti mereka tanpa sebarang bantuan dari badan tersebut.

Sokongan dan simpati dari pihak pembangkang sekurang-kurangnya dapat memberi nafas kepada generasi pelajar hari ini. Namun inilah sebenarnya yang dijadikan alasan oleh pihak pentadbiran yang kononnya pelajar pro pembangkang sehingga golongan pelajar dicop sebagai anti kerajaan. Dengan ini pergerakan pelajar sentiasa diawasi dan diteliti. Ketandusan pemimpin yang berkaliber juga menyumbang kepada kelemahan perjuangan pelajar. Pemimpin 'boneka' yang dilahirkan AUKU sudah tidak sesuai dengan kehendak semasa.

Reaksi masyarakat umum di Malaysia membuktikan bahawa mereka mempunya persepsi dan pendapat yang berbeza berbanding pendirian pihak pemerintah dan pihak pentadbiran universiti. Masyarakat menganggap AUKU telah mengambil harapan mereka yang selama ini disandarkan kepada pelajar. AUKU hanya memudahkan pihak pengurusan tanpa menimbang kesannya terhadap masyarakat, pelajar dan negara. Jika pun AUKU diperlukan, beberapa peruntukan yang mengongkong mahasiswa perlu dikaji dan dipinda semula. Kajian membuktikan masyarakat umum tidak adil dan tidak setuju dengan pelaksanaan AUKU yang tidak melibatkan pelajar luar negeri. Berdasarkan iklim politik dan ekonomi yang jauh berbeza berbanding tahun 60an dan 70an, beberapa peruntukan yang melibatkan pelajar sudah tidak relevan lagi untuk dikekalkan. Kelulusan yang baik sahaja belum memadai untuk menjadi pemimpin yang mampu memahami dan mengolah permasalahan dalam masyarakat yang semakin kompleks dalam arus pembangunan hari ini.